




AKADEMI SENI KEBANGSAAN

MEMPERSEMBAHKAN
TEATER KELILING 2003

JANGAN BUNUH

SAM



Sebuah Karya
ZAKARIA ARIFFIN

Arahan
NAM RON

Pementasan Teater Keliling
Akademi Seni Kebangsaan
2003

JANGAN BUNUH
SAM

sebuah karya
ZAKARIA ARIFFIN

arahan
NAM RON

Jadual Pementasan

- 3-4 Mei - KANGAR
(Taman Budaya Negeri Perlis)
- 16-17 Mei - KUALA TERENGGANU
(Taman Budaya Negeri Terengganu)
- 21-22 Jun - KUANTAN
(Taman Budaya Negeri Pahang)
- 19-20 Julai - KUCHING
(Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak)
- 19-20 September - ALOR SETAR
(Taman Budaya Negeri Kedah)
- 27-28 September - PULAU PINANG
(Kompleks Pustaka Warisan Seni, Pulau Pinang)
- 13-14 Oktober - KOTA KINABALU
(Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah)
- 18-19 Oktober - WP LABUAN
(Dewan Masyarakat, Perbadanan Labuan)

Pementasan Teater Keliling
Akademi Seni Kebangsaan
2003

JANGAN BUNUH
SAM

Ini adalah dengan kerjasama

PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI PERLIS
PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI TERENGGANU
PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI SARAWAK
PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI PULAU PINANG
PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI KEDAH
PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI SABAH

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
CAWANGAN SARAWAK, KUCHING

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
CAWANGAN SABAH, KOTA KINABALU

DAN

PERBADANAN LABUAN,
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



Kata Alu-aluan

PEMANGKU PENGARAH
Akademi Seni Kebangsaan

Seni persembahan tidak dinafikan lagi merupakan antara medium hiburan yang paling popular, sejak sekian lama. Pada ketika media elektronik belum diperkenalkan, pelbagai bentuk seni persembahan sudah menjadi sumber hiburan masyarakat umum di mana-mana juga. Di tanah air kita, wayang kulit, makyung dan bangsawan misalnya adalah di antara teater tradisional Melayu yang sangat terkenal dan pernah mendapat sambutan yang hebat di kalangan masyarakat.

Program Teater Keliling 2003 yang dilaksanakan ini, ingin mengambil kembali semangat daripada sejarah teater tradisional Melayu itu, yang bukan sahaja diminati ramai, malah pernah menjadi bentuk hiburan popular dan punca mata pencarian para penggiatnya. Melalui Program seperti ini, ASK berharap bentuk seni persembahan seperti teater akan lebih diminati dan tidak mustahil kembali menjadi salah satu sumber hiburan yang utama.

Meskipun pementasan *Jangan Bunuh Sam* ini tidak mengambil pendekatan komersial, matlamat ASK untuk memasyarakatkan seni persembahan kepada seluruh rakyat negara ini akan tercapai sebagaimana yang pernah berlaku kepada kesenian tradisional Melayu pada masa dahulu. Lebih daripada itu, Program ini juga bertujuan untuk memperkenalkan dan mendekatkan lagi ASK kepada masyarakat dan bakal pelanggan (pelajar) ASK.

Sekian, terima kasih.

Noorsiah Sabri



Kata Iringan

KETUA PROGRAM TEATER
Akademi Seni Kebangsaan

Program Teater Keliling Akademi Seni Kebangsaan (ASK) ini dirangka sedemikian rupa bagi mencapai beberapa matlamat. Antaranya ialah untuk memperkenalkan dan mendekatkan lagi ASK kepada khalayak umum, di samping memasyarakatkan seni teater itu sendiri. Program ini juga bertujuan untuk mendedahkan kepada orang ramai umumnya dan para pelajar khususnya tentang kewujudan Program Teater di ASK yang boleh diikuti sebagai pilihan dalam dunia pengajian akademik.

Pementasan Teater Keliling *Jangan Bunuh Sam* ini dijayakan sepenuhnya oleh lulusan (graduans) Program Teater ASK yang telah membuktikan bahawa bidang teater bukan sekadar ruang untuk memenuhi masa terluang, tetapi merupakan suatu disiplin ilmu yang sudah mantap dan mampu menjadi kerjaya yang mencabar. Beberapa orang daripada mereka yang mengikuti produksi ini misalnya telah dikenali sebagai pelakon dan pengarah teater, drama televisyen dan filem. Sebahagian yang lain telah dan masih melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Melalui Program Teater Keliling ini juga kami berharap dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang teater sebagai disiplin ilmu sebagaimana yang ditawarkan melalui Program Teater di ASK dan sebagai bahan hiburan yang serius tetapi diminati dan dapat dihayati oleh khalayak yang lebih besar dari setiap peringkat umur dan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Zakaria Ariffin

Sinopsis

PRODUSER siri "Butik Sam" - siri sitkom terpanjang pernah disiarkan oleh stesen televisyen tempatan (TV5) mendapat arahan daripada pihak atasan stesen supaya watak utama siri itu - Sam dibuang atau "dimatikan". Arahan ini adalah selaras dengan kehendak pihak lain yang lebih tinggi, setelah sebilangan masyarakat, melalui media, melahirkan kerisauan mereka tentang apa yang dikatakan sebagai "pencemaran" budaya yang berlaku akibat pengaruh daripada siri yang sangat popular itu.

Sam - watak utama dalam siri "Butik Sam" adalah seorang "lelaki lembut" yang menjadi kesukaan para peminat dan gaya serta cara pertuturannya menjadi ikutan bukan sahaja oleh para pelajar dan remaja, malah kanak-kanak dan orang dewasa juga. Pengaruh inilah yang dikatakan menjadi semacam "pencemaran" oleh sesetengah pihak dan ada yang mensensasikan lagi perkara ini dengan mengaitkannya pula kepada hukum Islam, yang melarang seorang lelaki berperwatakan atau berpakaian seperti seorang wanita. Namun dalam konteks Sam, dia bukanlah lelaki seperti itu, malah sudah menjadi sifat semulajadinya sejak dilahirkan.

Produser tidak ada pilihan lain, selain mengubah skrip untuk "membunuh" dan "mematikan" watak Sam. Jika tidak siri itu akan dihentikan terus dan akan menjejaskan perniagaan si Produser. Rahim (pelakon yang memainkan watak Sam) menerima arahan itu dengan perasaan yang bercelaru. Rakan-rakan artisnya yang lain memprotes arahan berkenaan dan memberikan pelbagai idea bagaimana untuk "menyelamatkan" Sam daripada "kematian". Sedang Rahim turut mempunyai rancangan untuk menyelamatkan wataknya sendiri, yang telah dihidupkannya selama lima belas tahun itu.

Apakah yang dirancangkan oleh Rahim? Bagaimanakah dia akan menyelamatkan wataknya daripada "dibunuh"? "Matikah" Sam? Segala-galanya akan terjawab dalam JANGAN BUNUH SAM.

Penulis Skrip

Zakaria Ariffin

Berasal dari negeri Pahang Darul Makmur, memperoleh ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang teater/sastera daripada Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 1978. Berkhidmat sebagai Pegawai Perancang Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka selama 18 tahun sebelum bersara awal (pilihan) pada 1996. Dilantik sebagai Pegawai Kebudayaan (Kontrak) oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan berkhidmat sebagai Ketua Program Penulisan di Akademi Seni Kebangsaan pada 1999 (kini Ketua Program Teater).

Sebagai Penulis, beliau lebih cenderung menghasilkan skrip drama pentas. Hingga kini telah menulis 17 skrip (antaranya *Pentas Opera, Raja Lawak, Perempuan Seorang Inggeris, Belum Selesai, Teja dan Siti Zubaidah*). Di samping itu turut menulis skrip drama televisyen, skrip video dokumentari, cerpen, puisi dan esei/kritikan (teater/filem). Antara bukunya yang telah diterbitkan ialah *Drama Melayu Moden dalam Esei, Drama Tiga Zaman, Perantau Zaman, Pentas Opera, Indahnya Pelangi, Mengenal Budaya Bangsa, Modern Asean Plays: Malaysia dan Siti Zubaidah*.

Sebagai aktivis teater, beliau telah mengarahkan 15 buah drama pentas. Hadiah/anugerah yang telah dimenangi: Hadiah Drama Esso-Gapena 1988/89, Hadiah Sastera Malaysia 1988/89, Anugerah Sri Angkasa 1988/89, Anugerah Seni Video Kebangsaan 1994, S.E.A. Write Award 2001 dan Trofi Samad Idris (Anugerah Penggalakan Penulisan Industri Perfileman) 2002. Pada 2002 juga beliau menerima Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Dimulia Ahli Ahmad Shah Pahang (AAP) daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

Pengarah

Shahili Abdan

Lebih dikenali di pentas teater dan dunia filem sebagai NAM RON, merupakan pemegang Diploma dalam bidang Teater dari Akademi Seni Kebangsaan. Berasal dari negeri Perlis dan aktif dalam kegiatan teater di sana sebelum berhijrah ke Kuala Lumpur.

Sewaktu menuntut banyak memberikan perhatian serius kepada aspek pengarah dan penulisan skrip drama pentas. Antara karya yang pernah ditulis dan diarahkan ialah *Jiwa* (1991), *Sel Terakhir* (1993), *Kerana Anna* (1994), *Main-main Bersama Teater* (1994), *Percakapan Seorang Aku* (1995), *Bangau oh Bangau* (karya bersama Lena Farida, 1996), *Naturalisasi* (1998), *Jalan ke Kemunting* (1999), *Lina dan Lijah* (karya bersama Marlenny Deen Erwan dan Jerrica Lai, 1999), *Misi* (karya bersama Faisal Tehrani, 2000), *Gedebe* (karya bersama Hariry Abd. Jalil dan Wan Azli, 2001), *Proses* (2001) dan *Lembu* (arahan bersama Shahrul Mizad Ashari, 2002).

Juga pernah mengarahkan *Bukan Bunuh Diri* (karya Dinsman) dan *Look Back in Anger* (John Osborne, 1999) sebagai Projek Tahun Akhir di ASK. Berpengalaman mengarah filem cereka dalam format video digital berjudul *Gedebe*. Terakhir beliau berlakon sebagai watak utama dalam filem *Paloh*, terbitan Finas dan Filem Negara Malaysia, arahan Adman Salleh. Nam Ron kini merupakan tutor di ASK, di samping aktif bersama Alternative Stage yang diasaskannya.




Pelakon

Mohd Shahrul Mizad Ashari

RAHIM @ SAM

Berusia 30 tahun dan di lahirkan di Muar, Johor. Pemuda yang memiliki pelbagai kebolehan ini mempunyai azam yang kuat untuk bergiat aktif sebagai karyawan teater. Bakat beliau boleh dilihat melalui banyak pementasan samada sebagai pelakon, pereka set ataupun pengurus pentas. Sejak lulus dari ASK beliau terlibat secara profesional sebagai pelakon pentas di dalam produksi-produksi seperti *Keris Sang Puteri* arahan Rahim Razali, *Puteri Saadong*, *Raden Galoh* arahan Rosminah Tahir, *Proses* dan monodrama *Lembu* arahan Nam Ron, Monodrama *3 Lives* arahan Krishen Jit, *Spilt Gravy On Rice* arahan Zahim Al-Bakri, *Mimpi Di Malam Panas* arahan Rohani Yusoff dan Bangsawan *Menjunjung Duli* arahan Rahman B manakala dalam pengurusan pula beliau terlibat di dalam produksi-produksi yang dipentaskan di Istana Budaya, Auditorium DBKL, Actor's Studio dan MTC. Kini beliau bertugas sebagai tutor sambilan di ASK selain bergerak secara bebas sebagai pelakon dan pekerja pentas.



Norzizi Zulkifli

SHERRIE @ KARTIKA

Lahir pada 12 Oktober 1976 dan merupakan anak sulung kepada pelakon veteran Zulkifli Zain dan Normala Omar. Nama Norzizi kini menjadi sebutan di kalangan karyawan TV, filem dan teater kerana kebolehan yang ditunjukkan samada melalui lakonan, pengacaraan ataupun pengarah. Banyak terlibat di dalam produksi-produksi teater di bawah arahan Ahmad Tamimi Siregar, Rohani Yusoff, Khatijah Awang, Rahman B, Rosminah Tahir, Zakaria Ariffin dan Siti Rohayah Attan. Selain itu, beliau amat aktif di dalam produksi Tv dan filem seperti filem *Syukur 21* dan telemovie arahan U-Wei Hj Shaari, Fauziah Ahmad Daud, Kamal Ishak, Zulkifli M. Osman, Erma Fatima dan Fauziah Nawati. Pada tahun ini, beliau dijangka akan mengarahkan teater tradisional makyung di Istana Budaya. Kini beliau menunggu untuk dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Seni Layar dari UITM dan bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.




Azizi Mohd Said
PRODUSER @ ENCIK OTHMAN

Merupakan pelajar teater kumpulan pertama ASK dan kini menunggu untuk dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Drama) Universiti Malaya. Semasa di ASK beliau mengambil pengkhususan dalam lakonan dan ini ditunjukkan melalui projek lakonnya iaitu monodrama *Di Bawah Lindungan Kaabah* arahan Marlia Musa. Sejak meninggalkan ASK, Azizi terus aktif dalam produksi teater seperti *Bangsawan Tengku Anum*, *Anugerah*, *Lantai T. Pinkie* dan *Malam Haram* arahan Rosminah Tahir, *Mencari Juita* arahan Siti Rohayah Attan, *Death Of A Salesman* arahan Roselina Khir Johari, *Cinta Sumirang* arahan Syed Halim Syed Nong, *Puteri Li Po* arahan Rahmah Bujang, *Scorpion Orchid* arahan Krishen Jit dan Joe Hafsham, *Uda dan Dara In English* arahan Ahmad Yatim dan *Main-main Teater* arahan Namron. Selain itu beliau turut terlibat dalam produksi Tv arahan Fauziah Ahmad Daud, Azmi Hatta dan Teck Tan. Azizi juga pernah mengacarakan rancangan *Raudhah* terbitan Astro dan *Titisan Budi*.




Wan Kanari Ibrahim
SABRI @ JUSUH P.I

Lulusan Diploma Teater 2000 ini sering menjayakan pementasan teater sebagai pelakon dan pengurusan pentas. Memilih lakonan sebagai pengkhususannya dan ini dibuktikan melalui beberapa projek lakon anjuran ASK dan beberapa produksi luar seperti teater *Anugerah* terbitan Utusan Malaysia, *Julius Caesar* arahan Marzuki Ali, *Wira Bukit* arahan Ahmad Yatim, *Siti Zubaidah* arahan Zakaria Ariffin manakala telemovie yang dijayakan ialah *Kuartet Merdeka* dan *Diari*. Wan Kanari juga turut aktif sebagai pekerja belakang tabir seperti Penolong pengarah III untuk filem *Paloh* arahan Adman Salleh, Pengurus penta bagi *Bangsawan Badan Warisan*, *Mimpi Di Malam Panas*, *Alang Rentak Seribu*, *Puteri Saadong* dan persembahan Makyung sempena LIFA 2002. Kini Wan Kanari bergerak secara bebas sebagai pelakon dan pekerja belakang tabir untuk filem, Tv dan teater.



Rosli Mohd Taib
LAZIM

Semasa belajar di ASK, beliau telah mengambil pengkhususan dalam bidang lakonan dan turut terlibat untuk kerja-kerja sinografi di sepanjang belajar di ASK. Semenjak meninggalkan ASK beliau banyak terlibat di dalam produksi teater seperti *Nyiur Gading Puncak Mahligai* arahan Kalam Hamidi, *Tun Perak* arahan Hatta Azad Khan, *Causeway* terbitan Ekamatra Singapura dan *Syakuntala* arahan Wisran Hadi manakala untuk produksi filem dan televisyen seperti *Squad 994* arahan Yusof Kelana, filem *Paloh* dan telemovie *Teman Malam* arahan Adman Salleh dan iklan TV Malaysia Palm Oil. Selain teater, Rosli juga berkebolehan dalam persembahan muzik terutama muzik tradisional. Antara persembahan yang pernah dijayakan ialah Konsert Mega Siti Nurhaliza, Citrawarna dan persembahan Wayang kulit di dalam dan luar negara.



Mardiana Ismail
LIZA

Memasuki ASK pada tahun 1996 dan bermulalah langkah pertama sebagai anak seni. Lulusan ASK tahun 2001 ini telah melibatkan diri di dalam pelbagai persembahan teater dan TV samada anjuran ASK atau produksi luar. Antaranya ialah *Raden Galoh* arahan Rosminah Tahir, *Nyiur Gading Puncak Mahligai* arahan Kalam Hamidi, *Manchester United* and *The Malay Warrior* arahan Krishen Jit, *Oii! Yang Di Atas Sana* arahan Samoza, *Suluh Peraba* arahan Rahman Saari, *Pandirnya Si Pandir* arahan Khalid Salleh dan *Syakuntala* arahan Wisran Hadi manakala produksi TV adalah sitcom *Al-Kisah*, *Salam Pantai Timur*, telemovie *Air Mata Pak Dogol* arahan En Zain dan *Keranamu Mas Intan* arahan Fauziah Ahmad Daud. Walaupun mengambil pengkhususan dalam lakonan, beliau turut terlibat sebagai pengurus pentas, penolong pengarah dan pengurus produksi untuk produksi *Cindai* di Istana Budaya, *Anugerah* di DBKL, *Hamlet* di Actor's Studio dan beberapa lagi. Bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan kini merupakan tutor sambilan di ASK.



Syarul Azlina Sikandar

CIK WAHIDAH



Berasal dari Kedah Darul Aman dan berbilang Aries. Selepas memperolehi Diploma Teater ASK beliau kini menunggu untuk dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Seni Layar dari UITM. Semasa berada di ASK Syarul Azlina banyak terlibat di dalam produksi bangsawan, makyung, randai dan lain-lain produksi seperti *Scorpion Orchid*, *Storyteller*, *Si Karang Manih* dan *Malam Haram*. Selain itu beliau turut menjadi Pengarah bagi dokumentari *Asas Penataan Cahaya Dalam Skrin*, filem pendek *Alamak Nenek Meletup* dan penerbit dokumentari *Mendengar Bangsar*. Kini beliau melibatkan diri di dalam beberapa persatuan seperti Kelab Filem Malaysia dan Karyawan Filem Malaysia.



Wan Azli Wan Jusoh

ZULKIFLI


Pemuda berusia 28 tahun ini merupakan bekas pelajar kumpulan pertama ASK dan telahpun menyudahkan pengajiannya di peringkat Diploma Seni Layar UITM. Sejak memasuki ASK dan sehingga kini, Wan Azli telah mengutip pelbagai pengalaman dalam seni persembahan sebagai pelakon, penulis skrip dan bekerja di barisan pengurusan pentas. Antara lakonan yang pernah dijayakan ialah *Mahkamah Keadilan* arahan Normah Nordin, *Makyung Anak Raja Gondang* arahan Norzizi Zulkifli, *Keris Sang Puteri* arahan Rahim Razali, filem *Dari Jemapoh ke Manchester* arahan Hishamuddin Rais, *Parang Yusuak* arahan Khir Rahman manakala pengarah dan skrip yang pernah dihasilkan ialah skrip *Gedebe* bersama Hariry Abd Jalil, mengarah untuk beberapa video seperti *Menembak Epal Atau Jambu*, *Budak Merah* dan *Bunyi Satu Nyanyi*. Bercita-cita untuk menjadi karyawan filem.



Pengarah Teknikal

Azizul Zahid Jamal

Pemuda ini lebih dikenali Toemoe, berusia 31 tahun dan berasal dari negeri Perak Darul Ridzuan. Merupakan lulusan ASK kumpulan pertama, sebelum menjejaki ASK, beliau terlebih dahulu mendalami bidang Insurans di UiTM. Oleh kerana minat yang mendalam terhadap teater, maka di teruskan pembelajarannya dengan mengambil pengkhususan dalam bidang sinografi. Kini namanya amat sinonim dengan kerja-kerja teknikal bagi pementasan-pementasan di sekitar Kuala Lumpur. Toemoe sering menjadi pereka cahaya bagi produksi di Istana Budaya, Actor's Studio, Auditorium DBKL dan produksi anjuran ASK. Selain mahir dalam bidang teknikal, beliau juga melakukan kerja-kerja pengurusan pentas. Kini beliau bersama Nam Ron giat menguruskan Alternative Stage dan mengajar sambilan di ASK.



Pereka Kostum

Rosman Ishak

Anak kelahiran Marang, Terengganu ini, juga merupakan lulusan pertama ASK. Sebelum menyambung pelajaran di ASK, beliau pernah menjawat jawatan sebagai artis budaya, Panggung Negara (1990-1993) dan melanjutkan pelajaran di USM di peringkat Sijil Seni Kreatif. Selepas memperolehi Diploma Teater ASK, Rosman sering terlibat di dalam produksi-produksi anjuran ASK, Istana Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Utusan Malaysia dan banyak lagi, samada sebagai pereka kostum, penata rias ataupun pelakon. Kini beliau bertugas sebagai pengajar sambilan di ASK dan UiTM.



Tenaga Produksi

PENERBIT

HAJAH NORSIAH HAJI SABRI

PENERBIT EKSEKUTIF

NORIZAH ARSHAD

PENASIHAT

ZAKARIA ARIFFIN

PENYELARAS PROJEK

MOHD KAMARULZAMAN TAIB

PENOLONG PENYELARAS PROJEK

BALKIS OMAR

PENGARAH

SHAHILI ABDAN (NAM RON)

PENGARAH TEKNIK / PENGURUS PENTAS

AZIZUL ZAHID JAMAL

PENOLONG PENGURUS PENTAS / PEREKA SET

WAN AZLI WAN JUSOH

PEREKA KOSTUM / PENATA RIAS

ROSMAN ISHAK

PEMBANTU PENTAS

MOHAMMAD HARIRY ABDUL JALIL

MUHAMMAD HAFIZ HUSSIN

MUHAMAD ADUHA ROSLI

MOHD SHARIZAN JASMAN

Kerabat Pengurusan

PENGERUSI

Hajah NOORSIAH SABRI

Pemangku Pengarah Akademi Seni Kebangsaan

TIMBALAN PENERUSI

Cik NORIZAH ARSHAD

Timbalan Pengarah Pengurusan dan Pendaftaran

Akademi Seni Kebangsaan

PENGARAH - PENGARAH

Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis
Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Terengganu
Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sarawak
Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang
Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah
Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kedah

SETIAUSAHA

ZAKARIA ARIFFIN

Ketua Program Teater

Akademi Seni Kebangsaan

PENOLONG SETIAUSAHA I

MOHD KAMARULZAMAN TAIB

Penolong Pengarah I Program Teater

PENOLONG SETIAUSAHA II

BALKIS OMAR

Penolong Pengarah II Program Teater

PUBLISITI DAN PEMASARAN

MOHAMAD RAIZULI MAT JUSOH
JEFFRI HARON
FAZLI CHE RUS
BAHARUDDIN BAHARIN RAMLY
SHARIFUL AKMA ABDULLAH

KEWANGAN

NORALIZA AHMAD
ZAILIENA MOHD RAZALI
WAN SOLEHAH WAN SALLEH
MU'AZZAH MALEK
ADDLY ABDUL KARIM
INTAN ROZAINA ZULKIFLI

TEKNIKAL DAN DOKUMENTASI

ABDUL RAZIK RADJAIL
HAJI WAN MANSOR YUSOFF
JALI NAZRI JAAFAR
FAIZUL JOHAN
SAIFULIZAM HARUN
AHMAD AZUDDIN YUSOFF
UNIT TEKNIKAL
PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN
NEGERI-NEGERI

LOGISTIK DAN PENGANGKUTAN

RAIS HUSIN
SULAIMAN MAMAT
ISMAL MOHAMED HASHIM
NORZIAH MAJID
MUZAFFAR SHAH AHMAD JAIS
ZAMRI MOHAMAD
SABRI MAHMUD
MOHD AFENDI RAMBLI

Aktiviti-aktiviti Program Teater Sepanjang Tahun 2003

Bengkel Lakonan Lanjutan 2003

Januari - Perak; **Februari** - Melaka; **Mac** - Sabah;
Mei - Perlis dan Terengganu; **Jun** - Pahang; **Julai** - Sarawak
September - Kedah dan Pulau Pinang; **Oktober** - Labuan, Sabah

Teater Tradisional Makyung

"Batak Raja Gondang"
11-13 Jun 2003
Auditorium Tunku Abdul Rahman
Pusat Pelancongan Malaysia (MTC)

Teater Bangsawan

"Saudagar Rapuddin"
2-4 Mei 2003
Auditorium DBKL

Teater Eksperimen

"Silang Kata"
4-6 Julai 2003
Auditorium Muzium Negara

iv Monodrama

25-28 Julai 2003
Auditorium Muzium Negara

Teater Moden

18-20 Ogos 2003
Auditorium Tunku Abdul Rahman
Pusat Pelancongan Malaysia (MTC)

Teater Klasik

"Si Yatim Chao"
5-8 September 2003
Auditorium Tunku Abdul Rahman
Pusat Pelancongan Malaysia (MTC)

Bengkel Lakon IPT

12-14 September 2003
Kuala Lumpur

MEMPERLEMBABKAN
SEBUAH PRODUKSI TEATER KLASIK
ARAHAN MARZUKI ALI

Produksi-produksi Teater 2001-2002 Akademi Seni Kebangsaan



JANGAN BUNUH
SAM

TERIMA KASIH

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN
MALAYSIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PUSAT PELANCONGAN MALAYSIA

PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI PERLIS
PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI TERENGGANU
PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI SARAWAK
PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI PULAU PINANG
PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI KEDAH
PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI SABAH

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
CAWANGAN SARAWAK

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
CAWANGAN SABAH

PERBADANAN LABUAN

MEDIA MASSA

PENGHARGAAN KHAS

OTHMAN HAFSHAM
CINEMATIC SDN. BHD.
IMUDA

dan semua pihak, sama ada berkumpulan atau perseorangan yang telah
membantu melaksanakan Pementasan Teater Keliling 2003
Akademi Seni Kebangsaan ini.

Untuk Pertanyaan:
Akedemi Seni Kebangsaan
Aras 33, Empire Tower, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2164 9180 Fax: 603-2164 9186